

Qalam

Bilangan 86 – Safar 1377 September 1957 – 70 Sen

Menyambut Kemerdekaan Kita

Akhirnya timbullah sejarah baru di dalam tanah air Persekutuan Tanah Melayu iaitu kemerdekaannya diisytiharkan hari ini (31. 8. 57). Riwayat penjajahan politik British di sini yang telah beratus-ratus tahun lamanya itu tamat dan dengan tamatnya itu dapatlah kerajaan Persekutuan Tanah Melayu berjalan bergandingan tangan dengan bangsa-bangsa yang telah merdeka daripada penjajahan British dan duduk di dalam Komanwel British.

Kemerdekaan yang diberi oleh kerajaan Inggeris dengan bertolak ansur, dengan tidak penumpahan darah itu, tentulah menjadi suatu hal yang bijaksana baginya kerana dengannya tentulah perhubungan terbaik-baik daripada penduduk Tanah Melayu dengan kerajaan Inggeris akan berkepanjangan – dan di sebaliknya rasa persahabatan dengan mendudukan mereka setaraf tentunya akan lebih-lebih lagi mengeratkan rasa persahabatan dan berbantu-bantuan.

Dengan kerana itu marilah kita bersama-sama menyambut Hari Merdeka itu dengan gembira dan bersyukur, dan sebaliknya janganlah hendaknya kita sekadar senang dengan sambutan kemerdekaan itu tetapi hendaklah ingat kepada tanggungjawabnya yang besar untuk menyelenggarakannya yang di dalamnya kita orang-orang Melayu hendaklah melayakkan diri untuk mengisinya dengan usaha dan tenaga yang kuat supaya dapat mengejar perlumbaan hidup

kita yang tertinggal daripada bangsa-bangsa lain di negeri ini.

Marilah kita bekerja mempercayai tenaga diri kita sendiri. Marilah kita membentuk suatu cara hidup, terus bekerja untuk bersaing dengan bangsa-bangsa lain bagi membolehkan kita hidup setaraf dengan orang lain.

Marilah kita melupakan segala adat kebiasaan yang ada kepada kita yang hanya memadai dengan apa yang ada, menghabiskan yang ada di tangan lalu kemudiannya berikhtiar mencari lagi – adat mana telah banyak merosakkan kedudukan kita di dalam masyarakat.

Kepada umat Islam khususnya, diserukan supaya jangan membiarkan segala peluang-peluang yang terbuka di hadapan kita terutamanya perkara-perkara yang mengenai agama. Kita wajib bersyukur kepada Allah kerana agama Islam telah diakui sebagai agama rasmi Persekutuan Tanah Melayu. Pengakuan itu tidak akan dapat dilaksanakan dengan sempurna jika kita mendiamkan diri, tidak menuntut supaya dijalankan dengan sempurna supaya perjalanan agama itu dijalankan dengan sebaik-baiknya.

Pengakuan-pengakuan yang banyak tentang mengutamakan agama itu akan menjadi pengakuan sahaja, jika kita umat Islam, sama ada yang di dalam pemerintahan atau daripada rakyat jelata tidak bekerjasama melaksanakannya.

Kita hendaklah bekerja menyampaikan pengakuan itu! Kita hendaklah berusaha supaya agama Islam itu sebenar-benarnya menjadi agama yang berdaulat di negeri kita; dan pengakuan yang diberi itu hendaklah kita jadikan asas permulaan untuk menegakkan kalimah Tuhan di negara kita – iaitu asas bagi menunaikan kewajipan kita kepada suruhan Tuhan dengan membawa sepenuh-penuh erti bahawa beragama itu bukannya sahaja terletak pada beribadat tetapi juga terletak di dalam muamalat dan pemerintahan yang dijalankan mengikut

hukum Tuhan yang tertentu dan ditentukan oleh Allah dan Rasul-Nya.

Marilah! *Ikhwān al-Muslimīn* kita bangkit bersama-sama di dalam sempena menyambut merdeka ini! Marilah kita membuang selimut yang telah diselimutkan oleh penjajah untuk kita melupakan tanggungjawab kita kepada Tuhan yang memerintahkan kita supaya berusaha menegakkan kalimah Tuhan di mana kita berada dan berusaha membangunkan sebuah negara bahagia yang dikurniakan Tuhan – *balwatan ṭayyibatan wa rabbun ghafūr!*

Marilah kita melagang suatu baris kaum Muslimin yang kuat supaya dapat kita bersama-sama menyampaikan perintah-perintah Tuhan! Bekerjalah masing-masing di dalam tiap-tiap bahagiannya! Yang ahli dalam iktisad bekerjalah di dalamnya; yang ahli dalam pelajaran bekerjalah dengannya; dan seterusnya tiap-tiap ahli itu hendaklah memberikan tenaga dan usahanya sedang semua tumpuan usaha itu bukan untuk pangkat dan kemuliaan, dan bukan untuk perolehan tetapi semata-mata untuk menunjukkan bakti kita kepada Allah, Allah yang menjadikan kita, Allah yang kita sembah dan kita puja!

Bangkitlah wahai *Ikhwān al-Muslimīn* untuk menegakkan kalimah Tuhan dalam masa kita menyambut hari yang bersejarah ini, hari terlepasnya kita daripada penjajahan Barat! Berjihadlah saudara-saudara dengan harta, dan diri saudara-saudara kepada jalan Allah! Inilah yang dituntut! Inilah pengorbanan yang dikehendaki!

* * *

Sudah Lepaskah Kita daripada Penjajahan?

Di dalam menyambut Hari Kemerdekaan 31 Ogos 1957 ini janganlah hendaknya kita berasa bahawa kita sebenarnya telah terlepas dari penjajahan! Sebenarnya kita masih di dalam penjajahan lagi! Kita baharu sahaja

terlepas daripada sebahagian penjajahan siasah tetapi masih terletak di dalam penjajahan ekonomi, di dalam penjajahan kebudayaan dan sebagainya yang masih kuat tapaknya bertapak di tanah air kita sendiri!

Kalau penjajahan siasah mudah kita menolaknya dan mengeluarkan mereka dari tanah air kita tetapi penjajahan ekonomi, pada hakikatnya, tidak dapat keluar bersama-sama dengan penjajahan siasah di tanah air kita kerana tapak ekonomi yang ditanamnya di tanah air kita telah berurat berakar sehingga kita masih takluk kepadanya. Hal ini tidak akan dapat kita elakkan jika kita sendiri tidak melayakkan diri bekerja bersungguh-sungguh dengan bertekun bukannya sebulan dua tetapi selagi kita mencintai tanah air.

Demikian juga halnya dengan penjajahan kebudayaan! Kita telah banyak mengambil kebudayaannya dan adat istiadatnya dan untuk ini kita adalah sentiasa dijajah oleh mereka. Agama kita juga telah dijajah dengan menggunakan kekuasaan Raja-raja di dalam mana jika ada orang yang mencelikkan mata rakyat maka orang itu ditegah atau sekurang-kurangnya dihalang-halangi. Perkara ini sayugialah kita perhatikan bersama-sama supaya terjauh daripada segala halangan yang terbukti bahawa agama kita masih dijajah lagi kerana agama itu masih terletak di tangan Raja-raja yang menjalankan segala sesuatu mengenai agama menerusi penasihat-penasihatnya yang terdiri daripada ulama-ulama yang melebihkan usaha dalam melemahkan semangat rakyat daripada menghidupkan roh keislaman mereka.

Hal yang akhir disebut inilah, salah satu penjajahan yang digemari oleh penjajah dari dahulu lagi dengan menopengkan Raja-raja kita kerana mereka adalah lebih takut kepada kebangkitan agama dan mereka lebih memusuhi Islam daripada lain-lainnya semenjak terjadi Perang Salib beberapa kurun